

&gt;&gt;Oleh Mohd Fauzi Abdullah

fauzie@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih kejayaan cemerlang dengan menggondol 30 pingat melalui 35 penyertaan di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2008 yang berlangsung pada 21 hingga 23 Februari lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

UPM juga beroleh kejayaan berganda apabila Professor Dr Faridah Abdullah memenangi Anugerah Paling Baik 2008 menerusi penyelidikannya 'Tricho Green'.

Ekspo itu dianjurkan Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sebanyak 34 organisasi terdiri daripada institusi penyelidikan dan orang perseorangan menyertainya.

Selain UPM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapat tempat kedua dengan sembilan pingat emas dan tempat ketiga Universiti Sains Malaysia (USM) yang membawa pulang tujuh pingat emas.

Naib Cancellor UPM, Professor Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah pada sidang media di Bangunan Pentadbiran UPM di sini, semalam berkata kejayaan itu adalah selari dengan budaya penyelidikan yang sudah lama dicipta dan disemai para akademik di universiti itu.

# Penyelidik UPM gondol 30 pingat

## Raih kejayaan cemerlang melalui 35 penyertaan di MTE 2008

**DIKTIKRAF**  
...Dr Faridah bersama hasil penyelidikannya, Tricho Green yang menerima Anugerah Paling Baik 2008.



"Kejayaan UPM pada MTE 2008 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan serta memberi impak yang positif terhadap status UPM sebagai universiti penyelidikan.

"Kejayaan dalam aktiviti penyelidikan didorong hala

tuju universiti yang jelas iaitu menjadi sebuah universiti yang tersohor dalam pembangunan ilmu dan kemajuan penyelidikan berimpak tinggi yang menyumbang kepada penjana teknologi dan inovasi demi kemakmuran ekonomi.

"Berdasarkan kepada kecermerlangan UPM setakat ini, saya yakin UPM mampu menjadi peneraju teknologi baru dan pelopor dalam pembangunan modal insan yang berkualiti," katanya.

Sementara itu, dalam majlis sama, beliau turut mem-



**DR NIK MUSTAPHA**  
...peningkatan UPM

beri penghargaan kepada pihak media dalam menyalurkan pelbagai berita dan aktiviti mengenai universiti.

"Sumbang bakti pihak media terhadap universiti mengangkat martabat keilmuan yang amat besar nilainya dalam menggiatkan usaha penyebaran ilmu dan memperkasakan pengetahuan masyarakat," katanya.